



Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	TANAH BENCAH PENYELAMAT ALAM SEKITAR
	SUMBER	BH ONLINE (3 FEBRUARI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	ONLINE

Tanah bencha penyelamat alam sekitar

Oleh [Prof Madya Dr Jamilah Mohd Salim](#) - Februari 3, 2024 @ 9:30am
bhnews@bh.com.my



Tasik Berombak Setiu, berkemungkinan tanah bencha air tawar yang terbesar di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. - Foto ihsan UMT

TANAH bencha atau tanah lembap ditakrifkan sebagai kawasan tanah yang mana dilitupi air sama ada air ialah air masin, air tawar atau air payau (campuran air masin dan air tawar) dan air berkenaan wujud sama ada secara bermusim atau secara kekal.

Tanah bencha boleh dikelaskan mengikut kedudukan landskap (misalnya ada tanah bencha yang berkaitan dengan laut dan daratan), litupan tumbuhan atau vegetasi yang ditampung oleh tanah bencha (misalnya paya laut, paya air tawar) dan regim hidrologinya (misalnya lakustrin ialah tanah bencha yang berkaitan dengan paya, misalnya paya gambut).

Rupa bentuk atau kewujudan tanah bencha boleh dibezakan daripada ekosistem semula jadi yang lain dengan melihat kepada pada jenis badan air dan tumbuhan yang hidup di kawasan tanah bencha itu.

Di antara contoh tanah bencha yang terbesar di dunia ialah Lembangan Sungai Amazon di Brazil, Amerika Selatan, Lembangan Congo di Afrika dan Lembangan Mekong di Vietnam, Asia Tenggara.


Contoh tanah lembap yang utama di Malaysia ialah Tasik Chini, Tasik Bera, di Pahang, Lembangan Kinabatangan di Sabah, Taman Negara Tanah Bencah Kuching, di Sarawak, Tanjung Piai di Johor dan Tanah Bencah Setiu di Terengganu.

Disebabkan hubung kait dan interaksi di antara tanah dan air di kawasan tanah bencah, maka tanah bencah boleh memberikan pelbagai faedah atau menyediakan pelbagai khidmat ekosistem kepada manusia dan alam sekitar daripada tiga skop utama iaitu ekologi, ekonomi dan sosial serta hubung kait yang rapat di antara ketiga-tiga skop itu.

Dari segi ekologi tanah bencah menjadi sumber simpanan stok karbon dunia, yang mana stok karbon ini memberikan impak kepada keseimbangan alam sekitar dunia.

Dari aspek perubahan iklim pula, stok karbon di tanah bencah berperanan kritikal untuk pengawalan dunia iklim yang stabil dan seimbang melalui kawalan kitaran karbon.

Karbon yang berlebihan akan memudaratkan alam sekitar stok karbon ini tidak seharusnya dilepaskan kerana ini akan menyebabkan ketidakseimbangan kepada kitar karbon sejagat dan mengganggu gas-gas rumah hijau (misalnya gas karbon dioksida, gas metana dan wap air), yang mengawal keseimbangan suhu bumi.



Paya Gelam di Setiu, antara contoh tanah bencah air tawar bermusim yang kian hilang daripada pandangan masyarakat awam, penting sebagai habitat ikan air tawar. - Foto ihsan UMT

Peningkatan suhu bumi akan membawa kepada implikasi perubahan iklim sejagat yang semakin dirasai dan ditakuti pada masa kini.

Tanah bencah menampung air yang banyak, membantu mengawal banjir serta hidrologi setempat.

Tanah bencah juga membantu menyimpan sumber air bersih untuk kemaslahan kesihatan dan kelangsungan hidup manusia. Tanah bencah berperanan menyokong kepelbagaian biologi yang tinggi, flora dan fauna, yang sebahagian besarnya turut menjadi sumber ekonomi kepada manusia.

Ikan air tawar dan makanan laut sebagai sumber makanan dan dikomersialkan untuk memberikan pulangan kewangan yang menyokong kelangsungan hidup masyarakat di sekitar tanah bencah.

Nelayan bergantung kepada sumber ikan yang membiak dan membesar di kawasan tanah bencah air payau atau paya bakau.

Kesihatan ekosistem atau kebersihan sumber air di kawasan paya laut menjamin kesihatan hidupan di lautan samudera.

Banyak lagi contoh hubung kait ekosistem di antara ekosistem tanah bencah dan ekosistem daratan serta implikasinya kepada manusia yang boleh kita lihat dan huraikan!

Saling hubungan di antara tanah bencah, keseimbangan alam sekitar dan kelestarian hidup manusia adalah sesuatu yang kompleks dan menuntut kefahaman untuk kita sama-sama menghargai kewujudan tanah bencah.



Program Penghayatan Paya Bakau kerjasama UMT dan pihak swasta merupakan usaha memberikan pendedahan dan kesedaran kepentingan tanah bencah.

Kemusnahan tanah bencah akibat aktiviti manusia, misalnya perubahan guna tanah yang pantas dan pembangunan fizikal yang tidak terkawal amat membimbangkan dan memberikan impak yang besar kepada keseimbangan alam sekitar dan ekosistem semula jadi.

Masyarakat awam perlu didedahkan kepada peranan dan kepentingan tanah bencah. Aktiviti dan program kesedaran kepada peranan tanah bencah dan kepentingan pemuliharaan perlu sentiasa dilaksanakan dari masa ke semasa.

Institusi pengajian tinggi awam, khasnya Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berperanan besar untuk meningkatkan kesedaran awam kepada masyarakat setempat. Kewujudan stesen penyelidikan seperti Stesen Penyelidikan Alami Tanah Bencah Setiu UMT, merencanakan lagi aktiviti penyelidikan di kawasan Tanah Bencah Setiu.

Dapatan penyelidikan oleh ahli akademik dan penyelidik UMT dikongsikan bersama masyarakat setempat melalui pelbagai aktiviti pemindahan ilmu dan pembabitian masyarakat.

Semoga dengan kesedaran yang tinggi terhadap peranan dan kepentingan tanah bencah kita akan berupaya menyelamatkan bumi kita atau setidaknya-tidaknya melambatkan kesan perubahan iklim!

2.	TAJUK	KAPAL KARGO HANYUT, TIADA PENCEMARAN BERLAKU – NIK NAZMI
	SUMBER	BERNAMA ONLINE (3 FEBRUARI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	ONLINE

KAPAL KARGO HANYUT, TIADA PENCEMARAN BERLAKU - NIK NAZMI



Nik Nazmi Nik Ahmad

03/02/2024 04:00 PM

KUALA LUMPUR, 3 Feb (Bernama) – Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah melakukan pemantauan berterusan terhadap Kapal Atosa 01 yang hanyut dari kawasan labuhan Kemaman di Pantai Chendor, Kuantan, Pahang pada 30 Jan lepas sehingga hari ini dan mendapati tiada sebarang pencemaran berlaku.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Nik Nazmi Nik Ahmad berkata kapal itu tersadai kira-kira 15 meter berpunca daripada tali sauh kapal terputus akibat cuaca buruk yang berlaku pada 24 Jan di kawasan perairan Kemaman, Terengganu.

Beliau berkata pihaknya melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) menerima maklumat berhubung perkara berkenaan daripada Pejabat Laut Kemaman pada 10 pagi Selasa lepas.

"Kapal ini merupakan kapal kargo kering berdaftar di Freetown, Sierra Leone. Semasa kejadian, tiada sebarang kargo atau muatan di atas kapal, namun masih terdapat lebih kurang 18 tan minyak diesel yang berpotensi menyebabkan berlakunya tumpahan minyak.

"Tiga kru yang masih berada di atas kapal semasa kejadian telah terjun ke laut bagi menyelamatkan diri," katanya dalam satu kenyataan.

Mengulas lanjut, Nik Nazmi berkata status kapal berkaitan adalah dalam tahanan Jabatan Laut Wilayah Timur melalui Perintah Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 25 Okt 2023.


Justeru, JAS telah meminta Jabatan Laut Malaysia (JLM) untuk menunda kapal terbabit ke kawasan labuhan Kemaman dan *oil boom* perlu dipasang sebagai langkah kawalan pencemaran minyak sekiranya berlaku tumpahan.

JAS menyeru orang awam untuk melaporkan sebarang aktiviti mencemarkan alam sekitar melalui talian bebas tol 1-800-88-2727 yang beroperasi 24 jam sehari atau e-mel ke aduan_k@doe.gov.my menerusi portal e-aduan JAS <https://eaduan.doe.gov.my>.

-- BERNAMA

3.	TAJUK	KARBON SIFAR BERSIH : KERAJAAN SEDANG SIAPKAN DOKUMEN LT-LEDS – NIK NAZMI
	SUMBER	BERNAMA ONLINE (3 FEBRUARI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	ONLINE

KARBON SIFAR BERSIH: K'JAAN SEDANG SIAPKAN DOKUMEN LT-LEDS - NIK NAZMI



Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Nik Nazmi Nik Ahmad (dua, kiri) bercakap pada sesi Forum 'Shaping A Zero Emission Tomorrow For Malaysia' di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur hari ini.

03/02/2024 06:40 PM

KUALA LUMPUR, 3 Feb (Bernama) – Kerajaan sedang menyiapkan dokumen strategi jangka panjang pembangunan rendah karbon (LT-LEDS) bagi memastikan sasaran pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050 dapat dicapai, kata Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Nik Nazmi Nik Ahmad.

Beliau berkata penyediaan dokumen itu penting untuk menilai prestasi negara dalam mencapai matlamat berkenaan selain membantu melakar perancangan yang sesuai dan berkesan.

"Kita sedang siapkan dokumen LT-LEDS baru kita tahu bagaimana jauh atau dekat kita dengan sasaran kita menuju sifar bersih...kita tunggu dokumen itu disiapkan kita akan dapat satu laporan teknikal yang terperinci tentang perjalanan tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri Youth Empowerment Fair 2024 (YEF24) sebagai ahli panel sebuah forum di acara itu di sini hari ini.

Beliau berkata antara elemen penting dalam penyediaan LT-LEDS ialah dokumen perancangan pembangunan jana kuasa tenaga oleh Jawatankuasa Perancangan dan Pelaksanaan Pembekalan Elektrik dan Tarif (JPPPET) yang sedang disiapkan oleh Kementerian Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam.

"Kita merasakan bahawa ada peningkatan daripada segi perjalanan kita menuju kepada (pelepasan karbon) sifar bersih tetapi belum cukup lagi. Maknanya kalau kita mengharapkan dasar-dasar sedia ada, tak cukup, kita perlu pergi lebih jauh.

4.	TAJUK	LAPORAN SSPA DIPERCEPATKAN – PERDANA MENTERI
	SUMBER	BH ONLINE (6 FEBRUARI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	PERKHIDMATAN AWAM
	MUKA SURAT/RUANGAN	ONLINE

Laporan SSPA dipercepatkan - Perdana Menteri

Oleh [Mohd Iskandar Ibrahim](#) - Februari 6, 2024 @ 10:02am
bhnews@bh.com.my



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berucap ketika Perhimpunan Bulanan bersama warga Kementerian Kewangan di Putrajaya, hari ini. - NSTP/Mohd Fadli Hamzah

PUTRAJAYA: Laporan akhir Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) dijangka siap dalam tempoh dua bulan sebelum dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, perkara itu berdasarkan persetujuan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz untuk mempercepatkan proses berkenaan. "Saya mula mesyuarat penyelarasan gaji penjawat awam dan dengan KSN dan KPPA bersetuju percepatkan, lebih cepat dari saya jangkakan keputusannya.

"Kalau ikut jangkaan kita, paling lewat dalam dua bulan ini baru dibentangkan dalam (mesyuarat) Jemaah Menteri untuk kelulusan muktamad," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat pada majlis perhimpunan bulanan bersama warga Kementerian Kewangan di sini, hari ini.

5.	TAJUK	NEGERI UTARA SEMENANJUNG BERDEPAN CUACA PANA, KERING
	SUMBER	BH (7 FEBRUARI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	7 (NASIONAL)

Negeri utara Semenanjung berdepan cuaca panas, kering

Enam daerah di Johor dikenal pasti antara lokasi kerap berlaku kebakaran terbuka

Oleh Ercy Gracella Ajos
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) menjangkakan cuaca kering dan panas melanda di negeri utara Semenanjung dengan suhu melebihi 35 darjah Celsius.

METMalaysia dalam hantaran di Facebook semalam memaklumkan, berdasarkan analisis model cuaca, tiada hujan berterusan dijangka berlaku untuk tempoh beberapa hari akan datang.

Bagaimanapun, ribut petir dan hujan lebat berserta angin kencang masih berpotensi berlaku di beberapa tempat di kawasan pedalaman dan barat Semenanjung serta Sarawak dan Sabah.

"Orang awam dinasihatkan untuk sentiasa merujuk laman web www.met.gov.my dan media sosial rasmi MET Malaysia serta memuat turun aplikasi myCuaca bagi maklumat yang terkini dan sahih," kata METMalaysia.

Sementara itu, enam daerah di Johor dikenal pasti antara lokasi kerap berlaku kebakaran terbuka membabitkan kawasan tanah gambut, khususnya ketika musim panas.



Keadaan sawah padi di Balik Pulau, Pulau Pinang yang kering kontang dan tanah merekah berikutan cuaca panas melanda negeri utara Semenanjung. (Foto Mikail Ong/BH)

Langkah bersiap siaga

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) negeri, Siti Rohani Nadir, berkata pihaknya mengambil langkah bersiap siaga bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Perhutanan untuk mengenal pasti lokasi 'titik panas' serta tindakan penguatkuasaan.

Beliau berkata, musim peralihan antara hujan lebat dan cuaca panas ketika ini, banjir kilat dan kebakaran terbuka masih boleh berlaku.

"Kita kini dalam musim peralihan cuaca daripada hujan ke panas, tetapi Monsun Timur Laut masih belum selesai yang

dijangka sehingga Mac.

"Namun, dalam masa sama kita terima panggilan kecemasan kebakaran terbuka khususnya membabitkan tanah gambut.

"Sejak awal tahun sehingga kini, kita menerima 18 panggilan kecemasan kebakaran terbuka di kawasan belukar terutama tanah gambut," katanya selepas menyempurnakan Majlis Perbarisan Tahunan JBPM Johor 2024 di Ibu Pejabat JBPM Johor, di sini, semalam.

Siti Rohani berkata, enam daerah dikenal pasti kerap berlaku kebakaran terbuka di kawasan tanah gambut adalah Johor Bah-

ru, Kota Tinggi, Mersing, Pontian, Batu Pahat dan Muar.

"Sejak 2020 hingga 2023, Batu Pahat merekodkan sebanyak 57 kes kebakaran-tanah gambut, diikuti Muar (41 kes); Pontian (40 kes); Tangkak (20 kes); Kluang (15 kes) dan Kota Tinggi (13 kes).

"Ini adalah kes kebakaran tanah gambut berskala besar sehingga kebakaran boleh merebak yang memerlukan tempoh masa lama untuk mengawal dan memadam kebakaran," katanya sambil meminta orang ramai, khususnya pemilik ladang agar tidak memulakan sebarang pembakaran terbuka.

6.	TAJUK	CAKNA KELEBIHAN HUTAN BAKAU BANTU USAHA PEMULIHARAAN
	SUMBER	BH (7 FEBRUARI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	13 (MINDA PEMBACA)

Cakna kelebihan hutan bakau bantu usaha pemuliharaan

Dr Nurul Nadiah Mohd Firdaus Hum dan Ts Dr Ismaniza Ismail, Fakulti Sains Gunaan, UiTM

Kerakusan pembangunan semakin mengurangkan jumlah kawasan hutan paya bakau yang sepatutnya menjadi benteng pertahanan semula jadi terhadap sebarang ancaman.

Setakat 50 tahun lalu, lebih satu pertiga hutan paya bakau di dunia dimusnahkan atas tujuan pembangunan, pemrosesan kayu, penghasilan kayu arang dan juga akuakultur. Sekiranya tidak dibendung, khazanah alam ini akan hilang dan sumber alam yang mampu untuk mengurangkan impak perubahan iklim akan turut dimusnahkan.

Pada masa sama, kesedaran masyarakat mengenai fungsi, kepentingan serta kaedah pemuliharaan bakau sangat penting bagi menjamin kelestarian dan ekosistem yang mapan.

Tidak terhad di sekolah dan universiti, pusat maklumat bakau dan agensi berkaitan boleh berganding bahu dalam meningkatkan kesedaran dan menyumbang ke arah proses pemuliharaan hutan paya bakau menerusi keterlibatan bersama pihak berkepentingan dalam perancangan dan pelaksanaan projek pemuliharaan.

Hal ini membolehkan hutan bakau dapat dipromosi sebagai kawasan rekreasi ekopelancongan yang menarik, selain membantu kita untuk hidup secara harmoni dengan alam semula jadi.

Hutan paya bakau adalah kawasan yang dinamik dan berperanan penting dalam perkembangan peradaban manusia disebabkan oleh kekayaan sumber semula jadi, kepelbagaian peluang ekonomi dan kesuburan tanah.

Ia menyediakan khidmat ekosistem yang bermanfaat kepada manusia, terutama melalui sokongan secara langsung kepada industri perikanan dan penternakan akuakultur, selain sebagai kawasan perlindungan serta tapak pembiakan se-

mula jadi untuk benih ikan juga hidupan laut. Kepentingan memulihara dan melindungi hutan paya bakau dicerminkan dengan jelas dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 15), iaitu menghentikan kehilangan biodiversiti.

Pelbagai fungsi semula jadi

Secara tidak langsung, bakau memainkan peranan yang penting dalam mendepani isu perubahan iklim yang tersenarai dalam SDG 15, terutama dari segi penyerapan karbon dan perlindungan zon pesisiran pantai daripada hakisan, banjir, pusanan ribut serta ancaman bencana lain.

Peningkatan paras karbon dioksida di atmosfera meningkatkan paras suhu bumi dengan memerangkap haba rumah hijau. Lebih banyak gas karbon dioksida di dalam atmosfera, bertambah banyak haba yang akan terperangkap seraya

meningkatkan suhu persekitaran yang ada di muka bumi.

Tumbuh-tumbuhan bertindak sebagai kawasan tadahan karbon yang menyerap gas ini melalui proses fotosintesis. Apa yang menariknya ialah hutan paya bakau mampu menyimpan 10 kali ganda karbon berbanding dengan tumbuhan hutan yang lain. Kelebihan hutan pokok bakau ini untuk menyimpan karbon seterusnya menjadikan ia sebagai penyimpan karbon yang signifikan dan mampu untuk mengurangkan kesan perubahan iklim setempat.

Selain itu, hutan paya bakau juga sebenarnya mampu mengatasi isu ancaman hakisan pantai. Seperti kebanyakan negara, kawasan pesisiran pantai Malaysia juga turut diancam oleh impak perubahan iklim, terutama ancaman kenaikan aras laut dan banjir pasang surut.

Di Malaysia, beberapa negeri seperti Melaka, Johor, Pahang dan Kelantan diancam kehilangan kawasan pantai yang kritikal akibat hakisan berterusan. Keadaan ini sekiranya tidak diatasi dengan segera akan menjejaskan bukan sahaja aset alam sekitar di kawasan itu, malah turut mampu menjejaskan aktiviti sosioekonomi penduduk yang tinggal berdekatan.

Dalam hal itu, adaptasi yang ada pada hutan paya bakau ini berhasil meminimalkan implikasi berkenaan. Akar pokok bakau yang berselirat dan kukuh dapat berperanan menahan dan mengurangkan impak kerosakan dihasilkan daripada ombak arus pasang dan surut yang kuat juga tsunami. Ia turut mampu memerangkap sedimen lumpur banjir dan menstabilkan pesisir pantai.

Justeru, dengan seribu satu kelebihan ini, kita seharusnya lebih cakna akan peranan hutan paya bakau dalam kehidupan.

“Lebih banyak gas karbon dioksida di dalam atmosfera, bertambah banyak haba yang akan terperangkap seraya meningkatkan suhu persekitaran yang ada di muka bumi”

7.	TAJUK	PADU PELAN TERARAH MENOKTAH KEMISKINAN
	SUMBER	BERITA HARIAN (8 JANUARI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	PERKHIDMATAN AWAM
	MUKA SURAT/RUANGAN	KOMENTAR

PADU pelan terarah menoktah kemiskinan



Oleh Dr Mohd Khairi Ismail dan Prof Emeritus Dr Chamhuri Siwar
bhrencana@bh.com.my

Pada hari ini, usaha membasmi kemiskinan masih diteruskan kerajaan dalam memastikan semua pihak mencapai kesejahteraan hidup. Menurut sistem pangkalan data Sistem eKasih, 324,764 Ketua Isi Rumah (KIR) miskin direkodkan sehingga 31 Oktober 2023.

Data berkenaan diguna pakai kerajaan dalam usaha menoktahkan kemiskinan. Usaha membasmi kemiskinan ini juga turut dikaitkan dengan isu ketirisan menyebabkan golongan sasaran tidak mendapat manfaat sepatutnya kerana subsidi tidak sampai kepada mereka.

Selain itu, kerajaan turut memperkasakan pengukuran kemiskinan negara dengan pengenalan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) sejak 2015. Pengenalan MPI menambah baik pengukuran Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) digunakan sejak awal 1970-an.

Berbanding PGK, memerlukan penggabungan data lebih terperinci seperti

pendidikan, kesihatan, taraf hidup dan pendapatan. Penggunaan pengukuran terkini dapat mencerminkan keadaan sebenar dan seterusnya membantu negara menoktahkan kemiskinan.

Rentetan daripada isu ketirisan dan perlunya satu data lebih komprehensif serta dinamik dalam usaha menoktahkan kemiskinan, pengenalan Pangkalan Data Utama (PADU) adalah inisiatif penting diperkenalkan Kementerian Ekonomi bagi membantu kerajaan membasmi kemiskinan di negara ini.

PADU bantu laksana dasar bersasar

Sistem PADU bertujuan menghentikan ketirisan, sekali gus memastikan hanya mereka berhak dapat menikmati subsidi serta manfaat lain menerusi subsidi bersasar yang berkesan. Bagi golongan miskin tegar pula, pemberian subsidi ini membantu meringankan beban mereka dalam usaha mencapai kesejahteraan hidup.

Pengenalan PADU membolehkan maklumat profil individu dikumpul menerusi pengintegrasian data pentadbiran daripada pelbagai sumber dan dikemas kini secara berkala.

PADU direka untuk membantu kerajaan melaksanakan dasar secara bersasar dan memastikan tiada penduduk tercicir daripada menerima bantuan atau inisiatif yang layak.

Selain itu, PADU juga sistem pangkalan digital selamat dan komprehensif, membantu dalam proses digitalisasi serta penghasilan analitik tepat. Ia adalah pangkalan data sosioekonomi menggabungkan maklumat pelbagai jabatan dan agensi kerajaan bertujuan mengelakkan keci-ciran dalam pengagihan bantuan serta subsidi kerajaan.

Agak berbeza dengan sistem pangkalan data sebelum ini, PADU memudahkan proses pengesahan data dan maklumat individu untuk pelbagai tujuan seperti bantuan kerajaan dan program sosioekonomi.

Bermula 2 Januari lalu, semua rakyat Malaysia berusia 18 tahun ke atas digalakkan mendaftar dalam sistem PADU.

Selain itu, pengenalan PADU memberi kemudahan kepada individu boleh dibuat secara dalam talian atau manual menerusi kaunter disediakan. Keadaan ini memudahkan individu atau orang ramai memilih medium sesuai bagi mengemaskini data peribadi mereka.

Pendaftaran dan pengemaskinian maklumat ini sangat signifikan kepada kerajaan dalam usaha merancang dan melaksanakan segala program berkaitan pembasmian kemiskinan.

8.	TAJUK	USAH JADIKAN ISU PENCEN MUSLIHAT PERJUANGAN KEPENTINGAN POLITIK
	SUMBER	BH (8 FEBRUARI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	PERKHIDMATAN AWAM
	MUKA SURAT/RUANGAN	13 (MINDA PEMBACA)

Usah jadikan isu pencen muslihat perjuangkan kepentingan politik

Faris Akmal
Abd Rahman,
Universiti Sultan
Zainal Abidin

Kita seharusnya memberikan perhatian serius terhadap cadangan kerajaan untuk memansuhkan skim pencen penjawat awam dan ahli politik. Tindakan ini bukan disebabkan rasa iri hati atau sengaja mahu men-

gambil hak terhadap golongan itu, tetapi ia perlu dilihat sebagai langkah menangani isu kewangan negara yang dilaporkan semakin genting sejak 2019, gara-gara fenomena *polycrisis*.

Istilah *polycrisis* merujuk kepada pelbagai krisis dalam ekonomi, politik dan geopolitik yang berlaku pada masa sama dan membawa implikasi dahsyat.

Dalam konteks ini, peperangan antara Rusia-Ukraine, konflik Asia Barat, krisis tenaga, pandemik COVID-19, dan pelbagai isu lain bergabung dan membentuk satu krisis ekonomi.

Selama ini, cadangan untuk memansuhkan skim pencen sudah beberapa kali disuarakan sejak zaman pemerintahan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir. Namun, ia tidak dapat dilaksanakan berikutan tentangan daripada masyarakat.

Justeru, skim pencen tetap diteruskan hingga ke satu tahap negara perlu terus menanggung beban bayaran pencen yang meningkat setiap tahun. Hal ini kemudiannya membawa kepada keadaan hutang negara yang semakin bertambah dan memerlukan penelitian semula pelaksanaan skim pencen itu.

Langkah memansuhkan skim pencen ini perlu direnung dari sudut yang rasional dan jangan sesekali dipolitikkan. Ia disebabkan kita melihat, ada ahli politik yang dahulunya menyokong isu berkenaan, tapi hari ini dia pula kuat menentang. Keadaan ini menunjukkan isu pencen cuba digunakan sebagai mainan politik bagi mencapai agenda masing-masing.

Kita sebenarnya memerlukan ketulusan dalam menyelesaikan hal ini dengan membuang kepentingan politik masing-masing. Diakui keputusan yang diambil akan memberikan impak besar kepada pembangunan negara dan penjawat awam khususnya.

Namun, kita perlu jelas dan faham yang mana satukah perlu diutamakan iaitu jika skim pencen ini

diteruskan beban kewangan negara akan semakin meningkat dan merjejaskan pertumbuhan ekonomi negara.

Atau adakah isu hak dan kelebihan penjawat awam perlu lebih diutamakan? Kita harus bertindak pantas memilih satu daripada senario itu atau hilang kedua-duanya.

Ramai pihak berujah kononnya apabila skim pencen dimansuhkan kepada lantikan baharu, ia akan menyebabkan ramai anak muda tidak lagi berminat berkhidmat dengan kerajaan.

Graduan mahu kerjaya stabil

Namun, secara peribadi saya tidak bersetuju dengan pandangan ini. Perlu diingat rata-rata graduan bukan hanya mencari gaji tinggi dan pencen dalam memilih kerjaya. Sebaliknya apa yang dimahukan adalah kerjaya stabil dan itu adalah sebahagian kelebihan dalam perkhidmatan awam. Tambahkan pula, banyak lagi daya tarik

penjawat awam seperti kadar faedah pinjaman lebih murah, elaun perumahan, sara hidup atau COLA, kenaikan gaji tahunan, cuti bersalin dan sebagainya.

Selain itu, meskipun skim pencen ditarik balik, masih ada alternatif, iaitu caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Kesimpulannya, saya melihat cadangan kerajaan memansuhkan skim pencen penjawat awam bukanlah untuk menafikan hak penjawat awam atau tidak mengambil peduli akan impak pada badan perkhidmatan awam.

Sebaliknya dengan fikiran lebih terbuka dan matang kita perlu melihatnya dengan kaca mata positif. Sokongan kepada langkah ini adalah demi kelangsungan ekonomi dan masa depan Malaysia atau anak muda.

Bagaimanapun, kita juga pasti mahu pemanusiaan skim pencen ini dibuat dengan dasar yang jelas dan terpakai kepada semua wakil rakyat dan barisan kabinetnya.

Saranan kepada pembuat dasar dan ahli politik, jika anda berasakan langkah ini tidak mampu menyelesaikan masalah bebanan hutang negara, mohon berhujah dengan cadangan lebih telus dan amanah.

Jangan isu ini dijadikan muslihat dan senjata dalam memperjuangkan kepentingan politik masing-masing.



9.	TAJUK	DENDA RM15 JUTA HUKUM PENCEMAR SUMBER AIR
	SUMBER	BH (9 FEBRUARI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	1 (MUKA DEPAN) & 3 (NASIONAL)

Denda RM15 juta hukum pencemar sumber air

Eksklusif

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) mencadangkan pindaan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) mengenakan hukuman lebih berat kepada pesalah alam sekitar dengan pihak yang mencemar sumber air didenda sehingga RM15 juta berbanding hanya RM500,000 dan tempoh penjara dinaikkan daripada 10 tahun kepada 15 tahun.

Oleh Suzalina Halid → Nasional 3

BH Jumaat, 9 Februari 2024 Nasional 3

Pencemar sumber air bakal berdepan denda RM15 juta

Eksklusif

Draf pindaan dikemuka SPAN bolehkan pesalah kena penjara hingga 15 tahun

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Cyberjaya: Pencemar sumber air dan mereka yang menyebabkan gangguan bekalan bakal berdepan denda sehingga RM15 juta sekiranya cadangan pindaan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) diluluskan Parlimen.

Draf pindaan dikemukakan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) itu menyaksikan kenaikan denda sehingga puluhan kali ganda berbanding RM500,000 yang dikuatkuasakan menerusi Akta 655 sedia ada.

Ketua Pegawai Eksekutif SPAN, Datuk Ahmad Faizal Abdul Rahman, berkata turut dicadangkan hukuman penjara dinaikkan daripada 10 tahun ketika ini kepada 15 tahun.

"Pindaan akta itu yang turut menggariskan mengenal hukuman terhadap pihak yang membuat penyumbangan haram atau mencuri air yang dijangka dibentangkan di Dewan Rakyat

Jun depan.

"Setakat ini draf pindaan akta berada peringkat Peguam Negara sebelum dibentangkan ke Jemaah Menteri.

"Akta ini (pindaan) berupaya memainkan peranan sebagai kawal selia lebih tegas dan penting untuk memberi pengajaran kepada pesalah," katanya kepada BH.

Akta 655 yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 2006 memperuntukkan kawal selia meliputi ekonomi, teknikal, sosial serta perlindungan hak pengguna.

Gesakan terhadap pindaan akta itu dilaksanakan sejak 2020 lagi oleh pelbagai pihak, termasuk aktivis alam sekitar dan badan pengguna untuk memastikan pesalah alam sekitar yang mencemarkan sumber air dikenakan hukuman lebih berat.

Berdasarkan Seksyen 121(2)(b) Akta 655 sedia ada, hukuman yang ditetapkan bagi pesalah pencemaran bahan radioaktif atau toksik ialah denda maksimum RM500,000 atau penjara maksimum 10 tahun atau sebatan atau ketiga-tiganya sekali.

Melalui pindaan baharu yang diusulkan nanti, hukuman denda dicadangkan dinaikkan kepada maksimum RM15 juta, manakala hukuman penjara pula kepada maksimum 15 tahun.

Sementara bagi Seksyen 121(2)(c) berkaitan pencemaran lain, hukuman sedia ada membolehkan denda RM100,000 atau



Selain itu melalui pindaan akta terbabit, syarikat operator air boleh menuntut sebarang kos akibat gangguan air yang disebabkan oleh pesalah

Ahmad Faizal Abdul Rahman,
Ketua Pegawai Eksekutif SPAN

boleh menuntut sebarang kos akibat gangguan air yang disebabkan oleh pesalah," katanya.

Insiden cemar sumber air

Sebelum ini, beberapa insiden pencemaran sumber air dikesan, antaranya pada September 2020 apabila 1,292 kawasan di tujuh kawasan di Lembah Klang mengalami gangguan bekalan air disebabkan pelepasan minyak hitam daripada kilang jentera berat di Rawang yang mengalir ke Sungai Gong yang berhampiran premis itu.

Pencemaran itu menjejaskan lebih 1.2 juta pengguna di Kuala Lumpur, Petaling, Klang, Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat.

Pada Julai 2019, dua insiden pencemaran di muka sauk empat Loji Rawatan Air (LRA) dikesan dalam tempoh tiga hari, mem-

babitkan pencemaran bau yang menyebabkan penutupan LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2 dan 3 serta LRA Rantau Panjang.

Februari 2021, 13 tong berisi bahan buangan berjadual (bahan pelarut) yang tidak diurus dengan baik ditemui di sebuah premis tidak berpenghuni di Taman Seri Reko, Kajang, sekali gus berisiko menyebabkan pencemaran sungai.

Pada Disember 2022 pula, LRA Semenyih dan Bukit Tampoi dihenti tugas sementara susulan pencemaran bau sehingga tahap empat TON (ukuran kadar bau) yang dikesan di muka sauk Jenderam Hilir, Dengkil.

Dalam perkembangan lain, Ahmad Faizal berkata, dalam memanfaatkan penggunaan air tebus guna, pembangunan loji kumbahan baharu akan dibina berhampiran kawasan industri.

Bellau berkata, dengan cara itu, air dari loji kumbahan boleh digunakan oleh industri tanpa perlu menggunakan air bersih.

"Sebelum ini, ada satu di Shah Alam dan kini sedang dalam peringkat kajian untuk kebolehlaksanaan bagi pembangunan loji kumbahan di kawasan industri di Batu Berendam, Melaka," katanya.

Bellau berkata, sebanyak 60 peratus penggunaan air adalah bagi tujuan industri yang mana ia boleh dijamin melalui penggunaan sumber dari loji kumbahan.

10.	TAJUK	RUU PERUBAHAN IKLIM : NIK NAZMI SANGKAL DRAF SIAP DIANGKA KERAJAAN TERDAHULU
	SUMBER	BH (9 FEBRUARI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	7 (NASIONAL)

RUU Perubahan Iklim

Nik Nazmi sangkal draf siap dirangka kerajaan terdahulu

NRES sasar pembentangan di Dewan Rakyat tahun hadapan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Nik Nazmi Nik Ahmad, menafikan draf Rang Undang-Undang (RUU) Perubahan Iklim sudah dirangka pemimpin pentadbiran terdahulu.

Nik Nazmi berkata, selepas beliau mula memikul tanggungjawab mentadbir Kementerian pada Disember 2022, draf itu tidak wujud.

Atas dasar itu, beliau berkata, NRES perlu melakukan proses penggubalan akta dari peringkat awal, termasuk libat urus dan turun padang bertemu pihak berkepentingan sebelum merangka draf undang-undang terbabit.

"Mantan Menteri Kementerian Alam Sekitar dan Air (Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man) kata RUU perubahan iklim sudah ada, sudah tersedia tahun lalu. Bila saya masuk benda itu tak ada. Lebih itu, saya tak nak komen.

"Kita sasaran tahun hadapan (dibentang di Dewan Rakyat). Ia peringkat awal dan bulan April hingga Jun akan ada turun padang ke negeri dalam usaha membantu untuk kita draf," katanya.

Pada Januari 2022, Timbalan Presiden PAS, Tuan Ibrahim yang ketika itu menjawab jawatan Menteri Alam Sekitar dan Air, menyatakan kementerian sudah menyiapkan kerangka undang-undang perubahan iklim pada Disember tahun lalu.

Sedang lantik perunding

Tuan Ibrahim dilaporkan berkata, kerangka itu akan menjadi asas kepada penggubalan RUU Perubahan Iklim negara.

Pada masa sama, Nik Nazmi berkata, RUU itu kini sudah di peringkat proses lantikan perunding sebelum dilaksanakan rundingan pada peringkat pemegang taruh sama ada kerajaan negeri, masyarakat sivil dan korporat.

Beliau berkata, RUU ini akan menjadi undang-undang 'payung' dalam segala aspek khususnya perundangan dan dasar berkaitan perubahan iklim.

Nik Nazmi menghadiri sesi dialog laporan pasca mengenai penyertaan Malaysia dalam Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (COP-28) di Emiriah Arab Bersatu (UAE), 30 November hingga 12 Disember lalu.

Sementara itu, Nik Nazmi berkata, beberapa kementerian akan bermesyuarat 22 Februari ini bagi membincangkan persediaan berdepan fenomena El Nino.

Beliau berkata, mesyuarat itu membabitkan pegawai Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Belia dan Sukan.

"Seperti kita tahu, El Nino ini lebih kering dan panas. Tahun lepas rekod terpanas dalam sejarah dunia. Kita akan mengadakan mesyuarat yang biasa kita adakan mengenai cuaca panas dan kering.

"Ini membabitkan beberapa kementerian dan agensi sebab akan ada impak yang besar terhadap pelbagai aktiviti dan kita mahu memastikan persediaan terbaik," katanya.

PARTICIPATION REPORT AT FCCC-CO



Nik Nazmi melancarkan buku laporan penglibatan Malaysia pada Dialog Pasca Perubahan Iklim (UNFCCC) - Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (COP-28) dan RUU Perubahan Iklim di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

11.	TAJUK	SELANGOR PUNYAI SIMPANAN AIR UNTUK TEMPOH SEMBILAN BULAN
	SUMBER	BH (9 FEBRUARI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	8 (NASIONAL)

Selangor punyai simpanan air untuk tempoh sembilan bulan

Kerajaan negeri usaha tampung bekalan untuk keperluan penduduk hadapi El Nino

Shah Alam: Selangor mempunyai simpanan bekalan air yang dapat menampung keperluan penduduk untuk tempoh kira-kira sembilan bulan, bagi menghadapi fenomena El Nino yang sedang melanda negara.

EXCO Infrastruktur dan Pertanian negeri, Izham Hashim, berkata empangan di negeri itu mempunyai simpanan air untuk keperluan pengguna selama enam bulan, manakala kolam air takungan untuk tempoh tiga bulan.

"Kita kini dalam proses untuk memastikan semua bekalan itu bersambung bagi membolehkan kita dapat menggunakan air tersebut apabila diperlukan," katanya ketika lawatan

kerja ke tapak projek pemuliharaan Sungai Klang, di sini semalam.

Beliau berkata, usaha kerajaan Selangor berkenaan sejajar dengan kajian yang dilakukan oleh Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) yang menjangka kemarau akan melanda negara pada 2026.

"Kita merancang dan buat persiapan, kemarau terakhir melanda negara adalah pada 2014 dan kitaran fenomena itu akan berulang dan kita perlu melakukan persiapan dan berharap ia tidak teruk," katanya.

Mengenai lawatan beliau hari ini, Izham berkata, projek terbabit merangkumi kerja pendalaman dan pelebaran 56 kilometer Sungai Klang serta pengukuhan tanah tebing dan pembinaan permatang yang dijangka siap pada 2028 melibatkan kos RM700 juta.

Timbunan sampah-sarap

Katanya, usaha itu berdepan cabaran ekoran timbunan sampah-sarap dan mendapan yang terkumpul di dasar sungai sedalam dua hingga tiga meter, ber-



Izham (kanan) melawat tapak projek tebatan banjir Sungai Klang, Shah Alam, semalam.

(Foto BERNAMA)

banding empat meter ketinggian sungai yang menyukarkan operasi pendalaman dan pelebaran sungai.

"Barang buangan besar seperti

tayar dan perabot serta plastik menjejaskan keadaan teknikal jentera pengorek dan menyebabkan gangguan terhadap operasi harian," katanya.

Izham berkata, projek terbabit menasaskan untuk meningkatkan kapasiti Sungai Klang sebanyak 40 peratus apabila siap sepenuhnya.

BERNAMA

11.	TAJUK	CUACA PANAS DI KAWASAN UTARA FENPMENA BIASA
	SUMBER	BH (9 FEBRUARI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	8 (NASIONAL)

Cuaca panas di kawasan utara fenomena biasa



Keadaan sawah padi yang kering kontang dan tanah merekah di Balik Pulau berikutan fenomena cuaca panas melanda negara. (Foto Mikail Ong/BH)

Kuala Lumpur: Cuaca panas di kawasan utara baru-baru ini sebenarnya keadaan biasa berlaku di kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia menjelang hujung bulan Januari hingga Februari.

Penyelidik meteorologi dan iklim Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Chung Jing Xiang, berkata corak cuaca begitu menandakan musim tengkujuh yang sedang melanda negara kita ini bakal berakhir.

Beliau yang juga Pensyarah Kanan, Fakulti Sains dan Sekitaran Marin UMT berkata, kejadian cuaca panas itu tidak dapat digunakan untuk meramal sama ada kemarau panjang bakal berlaku.

"Hal ini kerana, kejadian kemarau bukan sahaja bergantung kepada perubahan angin monsun, tetapi juga anomali iklim yang lain seperti kejadian Pengayunan Selatan El Nino, Dwpolar Lautan Hindi, Pengayunan Madden-Julian dan lain-lain.

"Pusat Ramalan Iklim, National Oceanic and Atmospheric Administration, Amerika Syarikat menjangka kejadian El Nino bakal berlanjutan pada musim-musim akan datang, tetapi akan secara perlahan-lahan berubah ke keadaan Pengayunan Selatan El Nino neutral pada sekitar April hingga Jun 2024," katanya kepada BH.

Cuaca lebih kering

Dalam pada itu, Jing Xiang berkata, kejadian El Nino biasanya akan menyebabkan keadaan cuaca menjadi lebih kering.

"Jabatan Meteorologi Malaysia (MET-Malaysia) turut menekankan perkara ini dalam tinjauan cuaca jangka panjang yang diuar-uarakan pada 31 Januari lalu.

"Namun demikian, orang ramal tidak perlu berasa terlampau gelisah kerana negara kita bakal dilanda musim peralihan monsun (sekitar Mac hingga Mei), iaitu musim keberangkatan untuk berlakunya hujan petang akan meningkat, sebelum kita dilanda sekali lagi dengan satu musim kering yang lebih panjang, iaitu Monsun Barat Daya," katanya.

Ditanya jika monsun barat daya yang bersifat kering ini akan mendatangkan kemarau panjang, Jing Xiang berkata, masih terlalu awal untuk diramalkan dengan tepat.

"Hal ini kerana sistem iklim kita amat kompleks. Cerapan, ramalan dan laporan yang dikemas kini dari semasa ke semasa daripada MetMalaysia dan agensi lain yang berkaitan diperlukan untuk ramalan yang lebih tepat.

"Bagaimanapun, penting untuk kita mengingati negara kita sedang mengalami fenomena El Nino, suatu fenomena yang biasanya akan menyebabkan corak iklim menjadi lebih kering berbanding daripada biasa.

"Kita mesti sentiasa bersiap siaga untuk menghadapi cabaran cuaca kering ini, dan peka kepada maklumat terkini yang akan disalurkan oleh pihak berkenaan, seperti Met Malaysia," katanya.



Chung Jing Xiang

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi Unit Perpustakaan EIMAS di emel berikut:

1. Mazleen Bt Othman (mazleen@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EIMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**